

Tingkatkan nelayan bumiputera di laut dalam

UIN 10/3/2023

ms : 9

ALOR GAJAH: Peningkatan penglibatan nelayan bumiputera dalam aktiviti tangkapan hasil di laut dalam menjadi antara sasaran kerajaan melalui Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan bersetuju meningkatkan jumlah PSN bagi menyediakan prasarana asas yang lebih selesa, sekali gus membantu meningkatkan produktiviti kelompok berkenaan.

Ujarnya, usaha tersebut dapat membantu negara menjamin keterjaminan makanan daripada aspek sumber perikanan.

Jelasnya, buat masa ini hampir 80 peratus daripada peraih hasil laut merupakan nelayan pantai manakala bakinya adalah usahawan atau penternak akuakultur.

“Selain kediaman PSN ini, kita juga akan meningkatkan jumlah projek infrastruktur lain berkaitan aktiviti perikanan termasuklah pembinaan jeti pendaratan, pancang bot, balai nelayan, wakaf, slip-way, stor enjin dan lain-lain kemudahan.

“Dengan pembinaan rumah PSN ini, kita harap para nelayan akan jadi lebih aktif dan kalau boleh mampu menjadi peraih di laut dalam.

“Itu harapan kita, sebab sekarang ini banyaknya nelayan pantai dan akuakultur ini salah satu perkara yang mahu diperbesarkan menjadi 60 peratus di laut dan 40 peratus akuakultur,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penyerahan Rumah Nelayan di Perkampungan Nelayan, Kuala Sungai Baru Ilir di sini, semalam.

Tambah Mohamad, sebanyak 1,772 rumah nelayan dibina di 13 lokasi di seluruh negara termasuk di Kedah, Pahang, Terengganu dan Perak.